

# 100,000 Rumah Mampu Milik Johor 2023

**JOHOR BAHRU 26 Mac** - Kerajaan negeri menyediakan 70,000 Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) menjelang 2020 sekali gus melepas sasaran awal sebanyak 60,000 buah.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Md. Jais Sarday berkata, setakat ini 16,010 unit RMMJ sudah pun siap dibina di seluruh negeri.

"Menjelang 2023, kerajaan negeri menyasarkan 100,000 unit RMMJ akan dibina dan ini sebagai tambahan 40,000 unit daripada sasaran asal 60,000 kita pada 2020.

"Kejayaan ini adalah hasil kerjasama erat pihak berkuasa tempatan (PBT), syarikat milik kerajaan (GLC) dan agensi-agensi kerajaan

yang berkaitan dengan perumahan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau berkata, selain itu, pihaknya juga sudah menyelesaikan projek rumah terbengkalai sehingga 250 peratus melibatkan 35 projek termasuk 14 projek yang dijanjikan.

Selain itu katanya, sejumlah 6,717 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) akan dibina menjelang 2021 yang ketika ini 1,170 unit sudah siap dan pembinaannya juga melepas sasaran awal sebanyak 5,000 unit PPR yang dijanjikan.

"Rakyat yang tidak berkemampuan juga kita bantu menerusi



MD. JAIS SARDAY

Program Bantuan Rumah dengan membaiki 4,029 buah rumah sudah dibaik pulih dan dibina baharu. Ini juga melebihi sasaran awal kita iaitu membaik pulih dan membina hanya 2,000 unit rumah," katanya.

Sementara hak milik tanah kepada peneronka Felda pula, beliau berkata, seramai 9,102 orang sudah menerima dan turut diberikan lebih daripada dijanjikan iaitu seramai 8,000 orang.

Md. Jais berkata, dasar perumahan kerajaan Johor dengan kerjasama pemaju sememangnya membawa kesejahteraan kepada rakyat khususnya dalam soal ru-

mah mampu milik.

Katanya, dari sudut kesejahteraan penduduk luar bandar pula, sepanjang 1,546 kilometer rangkaian jalan kampung telah dinaik taraf dengan dibina baharu atau dilebarkan iaitu 155 peratus pencapaian berbanding 1,000 kilometer yang dijanjikan sebelum ini.

Begitu juga katanya, pemasangan lampu jalan kampung apabila 29,386 unit sudah dipasang manakala masalah banjir pula diselesaikan dengan projek tebatan banjir di dua daerah.

Di bawah Rancangan Johor 5 Tahun katanya, RM150 juta diprurunkan untuk pembinaan lembangan Sungai Segamat melibatkan empat fasa dan pembinaan lembangan Sungai Muar dengan dua fasa.